

SEKOLAH KEBANGSAAN PUCHONG INDAH
JALAN INDAH 2/1,47150 PUCHONG,
SELANGOR DARUL EHSAN.

MINIT MESYUARAT KURIKULUM KALI KE- 3 / 2021

Tarikh : 10 Jun 2021
Masa : 3.00 petang
Tempat : Melalui Aplikasi Google Meet di kediaman masing-masing
Pengerusi : Pn Norhamizar bt Ismail (PK Pentadbiran)
Kehadiran :

1.	Pn Nik Suhaida bt Razak	Guru Besar
2.	Pn Norhamizar bt Ismail	PK Pentadbiran
3.	Pn Noor Azlina bt Naw	PK Petang
4.	Pn Nor Ashikin bt Ibrahim	Setiausaha Kurikulum
5.	Pn Nor Azura bt Zaimardzuki	KP Bahasa Melayu
6.	Pn Siti Noraslinda bt Asuwadi	KP Bahasa Inggeris
7.	Pn Roselind bt Mustapha	KP Matematik
8.	Pn Nor Muna Hamdi bt Ahmad Mahdi	KP Sains
9.	En Hissamuddin bin Iberahim	KP Pend Islam
10.	En Nishandra a/l Shanmugam	KP Pend Moral
11.	Pn Elaveni a/p Nagappan	KP Bahasa Tamil
12.	Pn Nor Esmayanti bt Sailan	KP Sejarah
13.	En Ali bin Abdu	KP Pend Seni Visual
14.	En Mohd Syahir bin Superde	KP Pend Jasmani & Kesihatan
15.	Pn Fatin Liyana bt Fadzil	KP RBT
16.	En Ahmad Fawwaz Danial bin Fadzil	KP Pend. Muzik
17.	Pn Norashikin bt Mohd Hanapia	Pra Sekolah

Turut Hadir : -

Tidak Hadir (Bersebab) :

- | | | |
|----|------------------------------|---------------------|
| 1. | En Norazman bin Ahmat Syafri | Bengkel bersama BTP |
|----|------------------------------|---------------------|

Urus Setia Mesyuarat :

- | | | |
|----|---------------------------|----------------------|
| 1. | Pn Nor Ashikin bt Ibrahim | Setiausaha Kurikulum |
|----|---------------------------|----------------------|

1. **PERUTUSAN Pengerusi**

1.1 Pengerusi mengalu-alukan kedatangan guru-guru dengan ucapan terima kasih.

2. PERKARA-PERKARA BAHARU

2.1 Pemurnian Pelan Strategik Organisasi (PSO) Kali Ke 2

- 2.1.1 Pelan Strategik Organisasi perlu dikemaskini iaitu menukar isu strategik UPSR kepada PBD bagi Tahap 2 memandangkan UPSR telah dimansuhkan. TOV akan menggunakan data Peperiksaan Akhir Tahun 2019.
- 2.1.2 PSO yang telah dikemaskini perlu disimpan di dalam Google Drive supaya lebih mudah didapatkan. Ketua Panitia perlu memberikn Email MOE masing-masing kepada PK 1 untuk tindakan selanjutnya.
- 2.1.3 Bagi Matapelajaran Matematik dan Sains, program intervensi perlu dimasukkan dalam PSO masing-masing. Program tersebut akan mula dilaksanakan setelah analisa PBD Pertengahan Tahun diperolehi.
- 2.1.4 Harapan Guru Besar ialah murid-murid dapat menguasai 3M.
- 2.1.5 Bagi Panitia Bahasa Melayu, satu program khusus perlu dirancang dalam PSO bagi murid yang masih tidak boleh membaca.
- 2.1.6 Hanya tiga atau empat program sahaja perlu dimasukkan dalam Jadual 2 PSO.
Tindakan : Ketua Panitia dan setiausaha

2.2 Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

- 2.2.1 Ketua Panitia perlu mengenalpasti murid-murid yang berada pada TP1 dan TP2 daripada analisa PBD yang dikeluarkan.
- 2.2.2 Rumusan atau penerangan perlu diserahkan kepada PK1 tentang murid-murid TP1 dan TP2. Ketua Panitia boleh mendapatkan ulasan tentang murid-murid tersebut daripada guru matapelajaran yang terlibat.
- 2.2.3 Ketua Panitia akan membentangkan analisa PBD matapelajaran masing-masing dalam mesyuarat panitia yang akan datang.
Tindakan : Ketua Panitia

3. HAL-HAL LAIN

- 3.1 ERPH bagi PdPr secara Google Meet dan waktu tutorial dilaporkan sekali dan tidak perlu berasingan.
- 3.2 Bahan-bahan PdPr perlu dimasukkan dalam Folder Google Classroom.
- 3.3 Ketua Panitia perlu maklum mengenai e-keberhasilan untuk diterangkan kepada guru-guru semasa mesyuarat panitia.
- 3.4 Semasa mesyuarat panitia, Ketua Panitia perlu sedia maklum dengan data analisa PBD dan mengutamakan aspek kemenjadian murid. Guru-guru digalakkan untuk menyediakan pelan intervensi masing-masing.
- 3.5 Pentaksiran Sumatif 2 yang dijadualkan diadakan pada 16 Jun 2021 akan ditangguhkan sehingga mendapat makluman baharu.

4. **PENUTUP**

- 4.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua guru yang hadir.
- 4.2 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.40 petang.

Urus Setia
Mesyuarat Kurikulum
SK Puchong Indah
Tarikh : 15 Jun 2021